

sains

KERATAN AKHBAR

30 OGOS 2023

**NEW
STRAITS TIMES**

Star Kosmo!

**Utusan
MALAYSIA**

**Sinar
BERITA HARIAN**

**astro
AWANI**

NOGORI KITO

facebook

**THE EDGE
MARKETS**

Sun

**FMT
news**

**malaysiakini
terkini untuk anda**

BERNAMA

**MEDIA
RANIA**

**星洲日報
SIN CHEW DAILY**

**南洋商報
NANYANG SIANG PAU**

**中國報
CHINA PRESS**

malaymail

84 kontinjen meriahkan sambutan Hari Kebangsaan 2023 di Negeri Sembilan

30 OGOS 2023
RABU



SEREMBAN, 30 Ogos- Kira-kira 5,000 peserta daripada 84 kontinjen Negeri Sembilan akan menyertai perarakan bagi Sambutan Hari Kebangsaan 2023 peringkat Negeri Sembilan.

Menteri Besar, Datuk Seri Aminuddin Harun berkata sambutan Hari Kebangsaan kali ini adalah cukup bermakna seiring dengan tema sambutan iaitu Tekad Perpaduan, Penuhi Harapan.

Penghayatan tema tersebut dilihat mampu memupuk kesepadan dalam kalangan masyarakat sekali gus menyemai semangat cintakan negara.

SAMBUNGAN

"Setiap tahun rakyat Malaysia menyambut Hari Kebangsaan, tanpa mengira latar belakang. Maka, saban tahun kita patut ada penambahan semangat patriotisme, sayangkan negara.

Di samping itu, sambutan ini juga adalah untuk menghargai jasa dan pengorbanan pemimpin negara mendapatkan kemerdekaan,"kata Aminuddin ketika ditemui di Padang Majlis Bandaraya Seremban.

Kesemua kontinjen negeri melakukan persiapan akhir bagi Sambutan Hari Kebangsaan 2023 Peringkat Negeri Sembilan yang akan diadakan di Padang Majlis Bandaraya Seremban.

Masyarakat setempat juga dilihat turun padang menyaksikan sesi latihan raptai penuh itu.



(Foto FB Menteri Besar)